

PENGENALAN

Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan Dan Keusahawanan yang dahulu dikenali sebagai Fakulti Pengurusan Teknologi telah ditubuhkan pada 20 Jun 2001 dan mula menerima kemasukan pelajar pada tahun 2002. Fakulti mula beroperasi di Kampus Induk dan berpindah ke Kampus Bandar pada tahun 2004.

Fakulti ini ditubuhkan bertujuan melahirkan pengurus teknologi yang kreatif, inovatif, dan mampu bersaing di arena global serta mahir dalam bidang perniagaan dan keusahawanan selaras dengan keperluan pembangunan negara dan teknologi semasa. Oleh itu pelajar Fakulti didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran tertentu yang merangkumi aspek-aspek berikut :

- K-ekonomi
- Penyelidikan dan pembangunan (R & D)
- Penyelesaian masalah/Konflik
- Pengurusan saintifik
- Keusahawanan
- Perundangan industri
- Pengurusan harta tanah
- Pengurusan pembinaan

Program-program yang ditawarkan merupakan integrasi disiplin-disiplin pengurusan, perniagaan, keusahawanan, teknologi kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta matematik dan sains.

Program-program yang ditawarkan diperingkat Ijazah Sarjana Muda ialah :

- Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengeluaran dan Operasi) dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah dengan Kepujian

Fakulti Pengurusan Teknologi ditukar nama kepada Fakulti Pengurusan Teknologi Perniagaan Dan Keusahawanan melalui keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 12 November 2009. Dengan penjenamaan tersebut lebih banyak program dalam bidang-bidang perniagaan dan keusahawanan akan ditawarkan.